

GAYA DAN PENDEKATAN KEPIMPINAN MOHD NAJIB ABDUL RAZAK;
SATU PERSPEKTIF TEORI KEPIMPINAN

KHARIL ANNAS BIN JUSOH

ASIA e UNIVERSITY
2011

GAYA DAN PENDEKATAN KEPIMPINAN MOHD. NAJIB ABDUL
RAZAK: SATU PERSPEKTIF TEORI KEPIMPINAN

KHAIRIL ANNAS BIN JUSOH

A Thesis Submitted to Asia e University in Fulfilment
of the Requirements for the Degree of Doctor of
Philosophy in Business Administration

Januari 2011

Asia e University Knowledge Centre

AEU Library



00003684

ABSTRAK

Tesis ini memberi gambaran menyeluruh kepada dinamika gaya dan pendekatan kepimpinan Najib selama 33 tahun melibatkan latarbelakang keluarga, pendidikan, politik dan pentadbiran kerajaan serta peristiwa-peristiwa penting yang ditempuhinya berdasarkan maklumat sedia ada bermula Februari 1976 hingga Mac 2009. Pengkaji juga menilai pembawaan atau kecenderungan kepimpinan Najib selama masa itu sebagai membuktikan keberkesanan gaya dan pendekatan tersendiri itu dalam membawa beliau menuju kemuncak kuasa.

Apabila memperkatakan tentang para pemimpin, ternyata tidak banyak pemerhatian yang tepat diberikan kepada mereka melalui karya atau tulisan. Kebanyakan tulisan khususnya yang tidak berorientasikan akademik digarap secara kasar, tidak mendalam malah lebih bersifat andaian atau jangkaan semata mata. Ini tentunya membawa kepada tanggapan yang melencong kepada pembaca. Bahkan istilah-istilah yang disebut sebagai gaya kepimpinan tidak diguna secara tepat menurut takrif dan maksud teori berkaitan seseorang tokoh itu memimpin.

Kajian ini disandarkan kepada teori-teori kepimpinan yang diperakukan oleh para sarjana dalam bidang pengurusan dan kepimpinan. Ertinya ia bukanlah ditulis secara hentam kromo tentang kaedah kepimpinan yang dipakai oleh Najib. Tambahan pula, didapati belum ada lagi kajian atau analisa berbentuk akademik yang dibuat tentang gaya dan pendekatan kepimpinan Najib.

Sebenarnya, kajian ilmiah tentang mana-mana pemimpin atau tokoh politik tidak sama dengan menulis sebuah biografi politik. Menulis berkaitan tokoh bermakna

mengkaji, menggarap, mengamati dan menganalisa berdasarkan maklumat – maklumat daripada tokoh itu sendiri dan sumber – sumber yang bersifat sahih. Ia berbeza dengan proses penulisan biografi politik yang sering merakamkan segala – galanya dalam sudut pandangan menyeluruh tanpa mengupas atau menyentuh sesuatu isu secara terperinci.

Tempoh penting kajian ini adalah antara tahun 2004 hingga 2009 semasa Najib menjadi Timbalan Perdana Menteri bagi membuktikan bahawa beliau sebagai seorang pemimpin yang bertuah dengan latar belakang keluarga juga pengalaman yang begitu kaya sepanjang karier politiknya, mengambil suri dan tauladan terbaik daripada ramai tokoh, kejadian dan peristiwa sehingga berjaya membentuk gaya dan pendekatan kepimpinan tersendiri untuk sampai ke tahap tertinggi.

Akhirnya pengkaji akan membuat kesimpulan tentang aplikasi gaya dan pendekatan kepimpinan tertentu yang diamalkan juga tentang wujudkah sekiranya ada pengaruh mana-mana tokoh pemimpin ke atas gaya dan pendekatan kepimpinan Najib atau adakah Najib sebenarnya seorang pemimpin transformasi dengan gaya dan pendekatan kepimpinan tersendiri yakni takrif sendiri.

**THE STYLE AND APPROACH OF MOHD. NAJIB ABDUL RAZAK:
A PERSPECTIVE OF LEADERSHIP THEORIES**

ABSTRACT

This thesis gives an overall view on the dynamics of Najib's leadership style and approach over the span of 33 years which covers his family background, education, politics and government administration. It will also emphasize on the important events based on the available facts beginning February 1976 until March 2009.

The researcher also evaluated Najib's leadership orientation and inclination during that particular period in order to proof the effectiveness of his unique leadership style and approach which carries him up to the nations seat of power.

When we refer to leaders, manifestly not much of accurate observations are made in the form of literature or writings. Most of the time, the writings are not academically oriented, roughly and vaguely grasped with no in-depth and based on assumptions which mislead the readers. Moreover, the leadership terms are not used in their correct and appropriate sense, meanings or contexts according to the theoretical definition of the leader.

This research is carried out and written based on the leadership theories recognized by the prominent scholars in the field of management and leadership. In other words, it is not vaguely written without basis but founded on facts, references, academic findings and research on Najib. In addition, there is no in-depth research or academic analysis which is yet to be done on Najib's leadership style and approach.

Actually, conducting and writing an academic research on any particular politician or leader is not the same as writing a political biography. Writing about a leader requires proper research, understanding, observation and analysis based on information from that particular leader himself and verified by credible sources. It is entirely different from writing a political biography which touches all in general without focusing on any specific issue.

The critical period of this study is between the year 2004 until 2009 when Najib was the Deputy Prime Minister of Malaysia to prove that he is a leader blessed with distinguished family background, vast political experience, also learning from the exemplariness of many figures, happenings and events which eventually moulded his unique leadership style and approach to rise to the helm of Malaysia's political seat.


Finally, the researcher will make a conclusion on certain leadership style and approach applied by Najib, and whether there is a trace of influence by any particular leader on Najib's leadership style and approach or Najib is actually a self defined transformational leader.

PENGESAHAN DISERTASI

Dengan ini disertasi akhir telah disahkan dan diperakukan oleh saya selaku penyelia dan menurut pandangan saya, ianya memenuhi piawaian akademik dari segi kualiti dan skop. Tesis ini telah memenuhi semua syarat dan keperluan yang ditetapkan bagi Ijazah Doktor Falsafah.



.....
Dr. Abdillah Suffian
Penyelia



.....
Prof. Dr. Juhary Ali
Penyelia Bersama

PENGAKUAN

Saya akui karya ini sebagai syarat bagi memenuhi keperluan PhD adalah hasil kerja saya sendiri kecuali rujukan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Saya juga mengesahkan bahawa segala hasil kerja ini tidak pernah diserahkan kepada universiti lain bagi tujuan yang sama. Dalam membuat pengakuan ini, saya memahami dan mengesahkan bahawa sebarang pelanggaran etika akademik boleh menyebabkan penyingkiran daripada program ijazah dan/atau dikecualikan daripada menerima ijazah ini.

Nama: Khairil Annas bin Jusoh

Tandatangan Calon:

Januari 2011



Tarikh:

17 Jan 2011

PENGHARGAAN

Pertama sekali, pengkaji ingin melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T di atas segala rahmat dan hidayah-Nya. Alhamdulillah, tesis kedoktoran ini telah berjaya disiapkan dengan ilham, kurnia dan petunjuk yang telah dianugerahkan oleh-Nya jua.

Segala selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W dan kepada ahli keluarga Baginda, seterusnya kepada sekalian sahabat Rasulullah dan para tabi'in, para alim ulama sehinggalah kepada sekalian hamba Allah yang mengikuti jejak langkah mereka.

Pengkaji ingin merakamkan sebanyak-banyak ucapan terima kasih kepada Yang Berusaha Dr. Abdillah Suffian dan Yang Berbahagia Prof. Dr. Juhary Ali selaku penyelia dan penyelia bersama serta pemudahcara tesis ini. Segala nasihat dan bimbingan yang telah diberikan sepanjang tempoh kajian sehinggalah penulisan tesis ini membuah hasil amatlah bermakna. Begitu juga kepada Yang Berbahagia Prof. Dr. Atory Hussin yang telah turut menyelia tesis ini di peringkat awal. Tidak dilupakan juga bimbingan dan dorongan oleh Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Ansary sejak bertahun-tahun yang lalu agar pengkaji meneruskan kajian ini.

Pengkaji khususnya memanjangkan rasa ingatan murni dan tulus kasih kepada saudara Mahadi Mohamad, Tuan Haji Amirul Rahman bin Abdul Rahim, Puan Sharifah Sheena binti Syed Hussein dan sikecil Putera Aizaac Shazreel yang telah menjadi pendorong serta penguat semangat dalam melalui detik-detik sukar semasa kajian ini disempurnakan.

Seterusnya ucapan ribuan terima kasih ditujukan kepada para responden yang telah sudi meluangkan masa untuk ditemubual di sebalik kesibukan jadual mereka.

Kenangan jasa juga direkodkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan tesis kedoktoran ini. Sesungguhnya Allah S.W.T sahaja yang akan membalas segala kebaikan kalian.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
PENGESAHAN DISERTASI	vi
PENGAKUAN	vii
PENGHARGAAN	viii
SENARAI KANDUNGAN	x
SENARAI JADUAL DAN RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN DAN ISTILAH	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Latarbelakang	1
1.2 Masalah Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Skop Kajian	12
1.7 Andaian-andaian Kajian	13
1.8 Kerangka Analisis	13
1.8 Batas Upaya dan Kekurangan Kajian	15
1.10 Metodologi	17
1.11 Susunan Bab	24

BAB 2	SOROTAN KARYA (BAHAGIAN 1)	
2.1	Pengenalan	25
2.2	Teori-teori Kepimpinan	25
2.3	Teori Lelaki Unggul	29
2.4	Teori Kepimpinan Sifat	32
	2.4.1 Teori Kepimpinan Berkarisma	34
	2.4.2 Teori Kepimpinan Transformasi	37
	2.4.2.1 Teori Kepimpinan Transformasi Bass	37
	2.4.2.2 Teori Kepimpinan Transformasi Burns	39
2.5	Teori Kepimpinan Tingkah Laku	40
	2.5.1 Teori Kepimpinan Laissez Faire	45
	2.5.2 Teori Kepimpinan Autokratik	47
	2.5.3 Teori Demokratik	49
2.6	Teori Kepimpinan Kontigensi	52
	2.6.1 Teori Kepimpinan Situasi Hersey dan Blanchard	54
	2.6.2 Teori Kepimpinan Perhubungan / Transaksi	56
2.7	Kepimpinan Menurut Perspektif Islam	58
2.8	Konsep Kepimpinan Melayu	70
2.9	Rumusan Bab	75
	SOROTAN KARYA (BAHAGIAN 2)	
2.10	Pengenalan	77
2.11	Tun Abdul Razak Hussein	
	2.11.1 Latarbelakang	77

	2.11.2 Pentadbiran	79
	2.11.3 UMNO	85
	2.11.4 Barisan Nasional	89
	2.11.5 Etnik	91
	2.11.6 Agama	93
	2.11.7 Kontroversi	95
2.12	Tun Dr. Mahathir Mohamad	
	2.12.1 Latarbelakang	96
	2.12.2 Pentadbiran	98
	2.12.3 UMNO	103
	2.12.4 Barisan Nasional	110
	2.12.5 Etnik	111
	2.12.6 Agama	111
	2.12.7 Kontroversi	114
2.13	Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi	
	2.13.1 Latarbelakang	117
	2.13.2 Pentadbiran	119
	2.13.3 UMNO	122
	2.13.4 Barisan Nasional	123
	2.13.5 Etnik	124
	2.13.6 Agama	127
	2.13.7 Kontroversi	129
2.14	Dato' Seri Anwar Ibrahim	

	2.14.1 Latarbelakang	131
	2.14.2 Pentadbiran	132
	2.14.3 UMNO	135
	2.14.4 Barisan Nasional	138
	2.14.5 Etnik	138
	2.14.6 Agama	140
	2.14.7 Kontroversi	143
2.15	Rumusan Bab	144
BAB 3	KAEDAH PENYELIDIKAN	
3.1	Pengenalan	148
3.2	Perjalanan Karier Kepimpinan Najib (Februari 1976 – Mac 2009)	149
BAB 4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	191
4.2	Najib dan Teori Lelaki Unggul	191
4.3	Aplikasi Teori Kepimpinan Sifat	195
4.4	Aplikasi Teori Kepimpinan Berkarisma	197
4.5	Aplikasi Teori Kepimpinan Transformasi	203
4.6	Aplikasi Teori Kepimpinan Tingkah Laku	207
4.7	Aplikasi Teori Kepimpinan Laissez Faire	209
4.8	Aplikasi Teori Kepimpinan Autokratik	213
4.9	Aplikasi Teori Kepimpinan Demokratik	215
4.10	Aplikasi Teori Kepimpinan Kontigensi	220

4.11	Aplikasi Teori Kepimpinan Perhubungan	226
4.12	Aplikasi Kepimpinan Menurut Perspektif Islam	231
4.13	Aplikasi Konsep Kepimpinan Melayu	237
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	243
5.2	Ciri-ciri Peribadi dan Kepimpinan Menurut Responden	244
5.3	Gaya dan Pendekatan Kepimpinan	246
5.4	Najib Pemimpin Transformasi Takrif Kendiri	248
5.5	Hasil soal selidik tentang ciri-ciri pemimpin Negara menurut sampel responden umum menggunakan kaedah SPSS	255
5.6	Ciri-ciri utama pemimpin negara yang diperolehi daripada soal selidik menurut responden-responden umum	257
5.7	Saranan	264
5.8	Rumusan	267
	RUJUKAN	268
	LAMPIRAN	
	Lampiran 1 Contoh Soalan Temubual Tun Dr. Mahathir Mohamad	285
	Lampiran 2 Contoh Soalan Soal Selidik	289
	Lampiran 3 Susur Perjalanan Najib (1976-2009)	291
	Lampiran 4 Senarai Temubual Responden-responden Utama	299
	Lampiran 5 Anugerah-anugerah Kehormat Diterima oleh Najib	301

Lampiran 6 Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Dipengerusikan Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri	303
Lampiran 7 Penyertaan Pilihan Raya Najib	306

SENARAI JADUAL DAN RAJAH

No. Jadual / Rajah	Halaman
1.1 Asas Kajian	13
1.2 Kerangka Analisis	14
1.3 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kajian	15
2.1 Rumusan Gaya dan Pendekatan Kepimpinan Razak	95
2.2 Rumusan Gaya dan Pendekatan Kepimpinan Mahathir	117
2.3 Rumusan Gaya dan Pendekatan Kepimpinan Abdullah	131
2.4 Rumusan Gaya dan Pendekatan Kepimpinan Anwar	145
4.1 Rumusan Gaya dan Pendekatan Kepimpinan Najib	242
5.1 Ciri-ciri Peribadi Najib oleh Para Responden	245
5.2 Ciri-ciri Peribadi Najib Sebagai Seorang Pemimpin Takrif Kendiri	251
5.3 Ciri-ciri utama menurut responden umum	257
5.4 Taburan demografi responden umum mengikut pekerjaan	259
5.5 Demografi responden umum mengikut taburan kaum	261

SENARAI SINGKATAN DAN ISTILAH

YAB	Yang Amat Berhormat
UMNO	United Malays National Organization
PKR	Parti Keadilan Rakyat
MCA	Malaysia Chinese Association
BN	Barisan Nasional
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
FELDA	Federal Land Development Agency
DEB	Dasar Ekonomi Baru
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PRU	Pilihan Raya Umum
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latarbelakang

Kemelut kepimpinan negara dan kontemporari siasah Malaysia menyaksikan kebangkitan YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak¹ sebagai ahli politik kanan yang masih berkecimpung dalam arena politik tertinggi. Najib mula menceburkan diri dalam arena politik setelah kematian mengejut bapanya, Tun Abdul Razak Hussein di London pada 14hb Januari 1976. Beliau menang tanpa bertanding kerusi Parlimen Pekan yang kosong, selepas kematian bapanya, ketika berumur 22 tahun 7 bulan. Beliau merupakan Ahli Parlimen termuda yang pernah dipilih ketika itu. Najib menjadi Timbalan Menteri paling muda apabila dilantik sebagai Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pada tahun 1978 ketika berusia 25 tahun. Kemudian, pada tahun 1982 hingga 1986, beliau menjadi Menteri Besar paling muda dalam sejarah Negara apabila dilantik sebagai Menteri Besar Pahang ketika berumur 29 tahun. Najib bakal mengambil alih tampuk kepimpinan parti UMNO² yang paling lama memerintah menjelang Mac 2009. Pengkaji dapati liku-liku perjalanan karier kepimpinan menuju puncak yang dilalui oleh Najib ternyata diwarnai dengan pelbagai ujian, tuntutan, harapan, perubahan, pilihan, konflik dan ketegangan kehendak antara ras, kematangan berpolitik, tuntutan

¹ Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak (selepas ini akan disebut Najib) dilahirkan di Kuala Lipis, Pahang pada 23hb Julai 1953. Merupakan anak sulung kepada Allahyarham Tun Abdu Razak Hussein dan Tun Rahah Mohamad Noah. Mendapat pendidikan rendah dan menengah di Institusi St. John, Kuala Lumpur sebelum melanjutkan pelajaran di Kolej Lelaki Malvern di Worchestershire, England. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Ekonomi Industri daripada Universiti Nottingham, England pada tahun 1974.

³ UMNO (United Malays National Organisation atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) ialah parti politik berhaluan kanan yang telah ditubuhkan pada 1hb Mei 1946 untuk memperjuangkan hak dan kepentingan orang Melayu. UMNO bertanggungjawab mengetuai perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan bagi Tanah Melayu yang kemudiannya dikenali sebagai Malaysia.

hubungan antara agama, tohmahan juga serangan peribadi serta fitnah siasah termasuklah krisis ekonomi yang tidak pernah dialami atau ditempuhi oleh mana-mana pemimpin sebelum ini.³

Ketikamana kajian ini dibuat, Najib belum lagi menjadi Perdana Menteri namun secara *de facto* beliau sudahpun merupakan Presiden UMNO. Najib menang tanpa bertanding bagi jawatan Presiden UMNO setelah memperolehi pencalonan ke 133 pada jam 4:15 petang, pada 2hb November 2008 daripada bahagian Cameron Highland. Najib bakal menjadi Presiden Umno yang ketujuh. Beliau mendapat 184 undi di akhir Mesyuarat UMNO. Ini adalah satu situasi yang tidak pernah lagi berlaku dalam politik dan sejarah kepimpinan negara. Justeru penglibatan unik Najib dalam politik dan kepimpinan negara ini sungguh wajar digarap sebelum beliau menjawat kedudukan tertinggi dalam bulan Mac tahun 2009 nanti. Oleh kerana itulah, dalam rangka membuat kajian dan menulis tesis ini sejak beberapa tahun lalu, pengkaji mengambil masa yang lama dengan beristinbat kepada kata hati berkaitan tarikh untuk menjadi titik potongan atau tarikh penggalan kepada kajian tentang seorang pemimpin ini.

Kajian ini dilakukan kerana sesungguhnya belum ada karya atau tulisan secara akademik dibuat tentang Najib. Tulisan-tulisan mengenai Najib lazimnya ditulis oleh penulis-penulis yang tidak menggunakan kaedah akademik dan lebih bersifat santai tanpa disahkan faktanya. Antara buku / tulisan itu seperti *30 tahun Najib* dan *In His Own Right* hasil tulisan Chamil Wariya (2006) serta tulisan Yusoff Harun (2008) yang bertajuk

³ Krisis ekonomi 2008 merupakan yang terburuk dalam sejarah 100 tahun perkembangan ekonomi dunia. Ia telah melibatkan kejatuhan teruk di Bursa Saham Amerika Syarikat (Wall Street) dan mengakibatkan kesan domino melanda negara-negara lain terutamanya yang bergantung kepada ekonomi Amerika. Krisis ekonomi dunia 2008 juga telah menyebabkan kenaikan harga minyak dan kadar inflasi yang melonjak tinggi.

Ram Charan (2009). *Leadership in the era of economic uncertainty*. New York: McGraw-Hill.

Najib – edisi terhad yang diedar dan dijual semasa Pilihan Raya Mac 2008. Namun tidak dinafikan tulisan-tulisan itu membantu memberi gambaran kepada ramai pembaca berkaitan perjalanan kehidupan dan politik Najib. Akan tetapi pengkaji telah menganalisa karya-karya tersebut dan menyaring maklumat serta cerita-cerita yang ditulis dan berusaha untuk disahkan secara langsung dengan Najib serta responden-responden yang terlibat melalui temubual-temubual akademik. Tempoh had kajian ini berakhir sekitar Mac 2009 atau lebih tepat lagi pada perlantikan Najib sebagai Perdana Menteri. Makanya tesis ini adalah merupakan kajian ilmiah pertama cuba meneroka gaya dan pendekatan kepimpinan Najib yang telah berjaya memacu karier beliau hingga ke kemuncak pemerintah negara.

1.2 Masalah Kajian

Apabila memperkatakan tentang pemimpin, ternyata tidak banyak pemerhatian yang tepat diberikan kepada mereka melalui karya-karya atau tulisan. Kebanyakan tulisan khususnya yang tidak berorientasikan akademik digarap secara kasar, tidak mendalam malah lebih bersifat andaian atau jangkaan semata mata. Ini tentunya membawa kepada tanggapan yang salah kepada pembaca berkaitan seseorang tokoh itu, terutamanya pemimpin yang ternama dan terkenal. Didapati kebanyakan tulisan berkaitan para pemimpin bersejarah seperti Kennedy, Mandela, Churchill, Soekarno malah Tun Razak⁴ hanyalah merupakan catatan-catatan atau pandangan peribadi para penulis yang bukan bersifat sarjana. Semoleknya sebarang tulisan berkaitan pemimpin perlu lebih rasional,

⁴ Tun Abdul Razak Dato' Hussein (selepas ini akan disebut Razak) dilahirkan di Pulau Keladi, Pekan, Pahang pada tanggal 11hb Mac 1922. Razak merupakan anak sulung kepada Dato' Hussein bin Mohd Taib dan Hajah Teh Fatimah bt Daud.

objektif dan tidak boleh bersandarkan hal-hal yang tidak sah lagi dapatan atau tuduhan yang tidak berasas. Antara tulisan-tulisan dan penerbitan yang ditulis tentang Razak ialah *Tun Razak – Jejak Bertapak Seorang Patriot* tulisan Dato' Zainudin Maidin(1997), *Tun Razak – Putera Titiwangsa* tulisan Shariff Ahmad (2001) dan *Razak* tulisan Tan Sri Abdullah Ahmad (1998).

Selama ini, masyarakat umum menganggap Najib hanya sebagai pemimpin biasa yang jika dibandingkan dengan Anwar dikatakan jauh berbeza terutamanya dari segi falsafah politik, kebolehan berpidato dan wawasan. Ternyata persepsi ini salah apabila Najib muncul sebagai pemimpin No. 2 selepas Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi⁵. Abdullah telah mengambil masa lebih dua bulan untuk membuat keputusan berkaitan perantikan timbalannya. (antara 31hb Oktober 2003 hingga 6hb Januari 2004). Sebelum Abdullah melantik Timbalan Perdana Menteri, orang ramai menganggap Tan Sri Muhyiddin Yassin⁶ sebagai bakal No. 2 tetapi ternyata meleset apabila Najib menjadi pilihan Abdullah. Walaubagaimanapun, memandangkan Najib adalah Naib Presiden paling kanan⁷, maka perantikan beliau lebih mudah diterima di kalangan ahli-ahli UMNO. Sudah tentu reaksi dan penerimaan perantikan Najib boleh ditinjau dari pelbagai sudut dan peringkat.⁸

⁵ Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi (selepas ini akan disebut Abdullah), lahir pada 26hb November 1939. Beliau juga dikenali sebagai Pak Lah merupakan Perdana Menteri Malaysia ke-5.

⁶ Tan Sri Muhyiddin Yassin merupakan Naib Presiden UMNO dan kini Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Beliau juga merupakan bekas Menteri Besar Johor, Menteri Belia dan Sukan, Menteri Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna serta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Beliau ialah Ketua Bahagian UMNO Pagoh.

⁷ Najib menduduki tempat pertama dalam dua pemilihan berturut-turut sebagai Naib Presiden UMNO.

⁸ A. Kadir Jasin (2001). *The Other Thots: Opinions and observations (1992 – 2001)*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.

Walaupun, kekalahan Barisan Nasional pada pilihan raya kecil Permatang Pauh telah menimbulkan gelombang baru supaya Abdullah dan Najib menimbang semula pelan peralihan kuasa yang telah mereka persetujuan sebelum ini. Antara yang lantang dan mahu pelan peralihan kuasa dipercepatkan ialah Muhyiddin. Pada satu sidang media di Singapura, Muhyiddin mencadangkan agar Najib dan Abdullah menimbang semula tarikh peralihan kuasa yang dijadualkan pada tahun 2010 kerana tempoh itu dirasakan terlalu lama.⁹ Cadangan Muhyiddin itu disambut baik oleh kebanyakan rakyat yang mahukan peralihan kuasa disegerakan tetapi penyokong Abdullah menentang keras cadangan tersebut. Najib pula menyerahkan kepada anggota UMNO untuk memutuskan bilakah peralihan kuasa itu perlu dilakukan samada pada bulan Jun 2010 atau dilakukan lebih awal lagi. Walaupun menghadapi pelbagai kecaman daripada penyokong Abdullah, Muhyiddin tampil sebagai calon popular bagi kerusi Timbalan Presiden UMNO bagi digandingkan dengan Najib pada pemilihan parti Mac 2009.¹⁰

Selain itu, masalah kajian juga memperlihatkan bahawa terdapat pertanyaan umpamanya mengapa Tun Mahathir Mohamad¹¹ yakin dan mencadangkan Najib? Mengapa tidak tokoh-tokoh lain dan kini wujud pula situasi-situasi seolah-olah Mahathir menyokong Muhyiddin pula. Ini juga merupakan permasalahan kajian dalam tesis ini. Orang ramai juga beranggapan Najib naik kerana mengenang jasa Razak kepada negara dan tidak naik kerana meritnya. Justeru, tesis ini akan menganalisa tentang masalah

⁹ (2008, Julai 10). Pak Lah to quit in June 2010. *The Star*, p.2.

¹⁰ Muhyiddin menang dan menewaskan Tan Sri Muhammad Mohd Taib.

¹¹ Tun Dr. Mahathir Mohamad (selepas ini akan disebut Mahathir) adalah Perdana Menteri Malaysia yang keempat (16hb Julai 1981 hingga 31hb Oktober 2003). Beliau dianggap sebagai 'Bapa Pemodenan Malaysia' dan negarawan ulung yang telah menjadikan Malaysia sebuah negara moden, makmur serta dipandang tinggi dimata dunia.

tanggapan tersebut. Apabila dikatakan Mahathir sudah mula menyokong Muhyiddin, pengkaji sebagai 'lingkungan dalaman' yang juga mempunyai hubungan baik dengan pihak Mahathir dapati ini adalah tidak benar. Barangkali beberapa tindak tanduk dan kenyataan pedas Mahathir menjurus kepada ramai untuk membuat kesimpulan sebegini.¹²

Pelbagai pandangan dan pendapat dilontarkan oleh ramai pihak sama ada di kalangan ahli politik, ahli korporat mahupun ahli akademik tentang gaya dan pendekatan kepimpinan Najib terutama berkaitan pendirian-pendirian beliau apabila menangani isu-isu kepimpinan khususnya keakuran beliau kepada Abdullah. Antara tokoh yang sering memberikan pandangan dan kritikan tidak lain dan tidak bukan mantan Perdana Menteri Malaysia, Mahathir. Menurut kajian didapati Mahathir yang dianggap sangat berpengaruh mencorakkan garapan pandangan rakyat Malaysia dalam hal politik, tampaknya juga tidak dapat membaca dengan jelas apakah pendirian dan gaya dan pendekatan Najib menangani isu. Dalam kata lain bukan sahaja Mahathir, pengkaji dapat simpulkan hampir kesemua penganalisa politik malah sebagai 'lingkungan dalaman' yang berhubung terus dalam kerja harian dengan Najib tidak dapat mengetahui dengan pasti corak keputusan terakhir pada tiap isu, yang dibuat oleh beliau.

Sebagai contoh pada satu situasi, iaitu, sebaik sahaja pilihan raya Mac 2008, Mahathir memuji Najib sebagai pemimpin pilihan akar umbi dan mengakui hakikat bahawa Najib adalah pentadbir yang cekap dan berpengalaman. Pada situasi yang lain pula Mahathir menyifatkan Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri yang tidak cekap kerana tidak mempunyai pendirian sendiri dan sering mengikut kata Abdullah. Mahathir membuat komen yang sedemikian ini setelah Najib tidak mengambil sebarang tindakan

¹² (2008, September 10). Mahathir puji tindakan berani Muhyiddin. *Bernamea*, p.17.

mendesak Abdullah yang enggan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri. Hakikatnya, hanya Najib yang tahu mengapa gaya dan pendekatan sedemikian diambil.

1.3 Objektif Kajian

Objektif utama kajian adalah untuk:

1.2.1 Latarbelakang kepimpinan Najib bermula Februari 1976 sehingga Mac 2009.

Memberi gambaran menyeluruh susur perjalanan gaya dan pendekatan kepimpinan Najib selama 33 tahun yang melibatkan latarbelakang keluarga, pendidikan, politik dan pentadbiran kerajaan serta peristiwa-peristiwa penting yang ditempuhinya berdasarkan maklumat yang sedia ada bermula Februari 1976 hingga Mac 2009. Tempoh 28 tahun yang pertama didapati tidak begitu berkontroversi dan perjalanan karier beliau secara keseluruhan adalah licin. Tempoh kajian yang kritikal ialah dari bulan Januari 2004 hingga tempoh peralihan kuasa iaitu bulan Mac 2009 semasa Najib memegang jawatan sebagai Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri.

1.2.2 Gaya dan pendekatan kepimpinan Najib

Menilai pembawaan atau kecenderungan gaya dan pendekatan kepimpinan Najib selama tempoh itu dalam membuktikan bahawa gaya dan pendekatan kepimpinan beliau itu berkesan sebagai elemen atau faktor yang boleh mendokong cita-cita